

22 OCT 1996

Koh-Rebat

PULAU PINANG TEGAS MINTA REBAT

PULAU PINANG, 22 Okt (Bernama) -- Kerajaan Pulau Pinang tidak akan berganjak daripada ketetapanannya meminta rebat daripada Tenaga Nasional Berhad bagi pengguna di negeri itu yang mengalami kerugian semasa gangguan bekalan elektrik selama 10 hari pada Jun tahun lepas.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata permintaan itu dibuat bsejajar dengan usul yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri akhir tahun lepas.

"Kita perlu kembali ke Dewan Undangan Negeri (yang akan bersidang mulai 27 Nov ini) sebelum memutuskan tindakan lanjut yang perlu diambil," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Hubungan Kewangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata beliau berpendapat Tenaga Nasional tidak akan melayan permintaan sedemikian.

Tenaga NASional mengumumkan minggu lepas bahawa ia akan memberi rebat berjumlah 10 peratus kepada pengguna yang terlibat dengan gangguan bekalan elektrik seluruh Semenanjung pada 3 Ogos lepas.

Menurut Koh, beliau telah menulis kepada Dr Mahathir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie semalam bagi menyatakan permintaan negeri itu untuk menggunakan formula yang sama mengenai gantirugi bagi gangguan bekalan yang melibatkan seluruh pulau itu.

Pada Jun tahun lepas, bekalan elektrik ke pulau itu terganggu selama 10 hari selepas sembilan kabel elektrik di jambatan Pulau Pinang terbakar. Berikutan kejadian itu, Dewan Undangan Negeri meluluskan usul meminta Tenaga untuk membayar imbuhan kepada semua pengguna yang terlibat.

Tenaga tidak memberi jawapan kepada usul itu tetapi sebaliknya mengumumkan bahawa RM1,700 juta telah diperuntukkan untuk menaik taraf rangkaian pengedaran bekalan elektrik di pulau itu.

Koh berkata : "Kita tidak akan mewujudkan satu contoh untuk ikutan tetapi sekadar meminta tanda muhibah seperti yang diberikan kepada gangguan bekalan elektrik seluruh negara 3 Ogos lepas."

Sambil menyambut baik komitmen Tenaga Nasional untuk menaik taraf sistem pengedaran elektrik di negeri itu, beliau berkata sebagai Ketua Menteri beliau perlu menyuarkan sentimen rakyat. -- BERNAMA

RA NHD MAI